

## **Pengetahuan Kepimpinan, Kemahiran Pengurusan, Dan Sikap Ketua Panitia Sains Di Sekolah Kebangsaan**

Mohd Anuar Bin Hj Abdul Rahman & Shafila Binti Jumaat  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia

**Abstrak** : Kajian deskriptif ini bertujuan untuk melihat pengetahuan kepimpinan, kemahiran pengurusan, dan sikap ketua panitia sains dalam melaksanakan tugasnya. Seramai 49 orang guru yang terdiri daripada sebelas orang Guru Penolong Kanan 1 dan 38 orang guru mata pelajaran Sains di sebelas buah sekolah Kebangsaan Zon Pekan Nanas, Daerah Pontian telah dijadikan responden kajian. Kajian ini menggunakan soal selidik yang dibina berdasarkan kepada Hellinger(1987) bagi melihat pengetahuan kepimpinan.; Plunket and Arthur(1994) bagi melihat kemahiran pengurusan dan Gardner(1985 ) bagi melihat sikap. Satu kajian rintis telah dilakukan kepada 16 orang guru di Sekolah Kebangsaan Tengku Mahmud Iskandar (2), Pontian bagi melihat kebolehpercayaan item. Nilai alpha bagi pengetahuan kepimpinan(0.9097); kemahiran merancang(0.6319), kemahiran mengelola(0.6284), kemahiran memimpin(0.8271), kemahiran mengawal(0.8565) dan sikap(0.8087). Data-data yang diperolehi diproses dengan menggunakan Statistical Package for Social Science(SPSS versi 13.0). Hasil kajian menunjukkan, pengetahuan kepimpinan Ketua Panitia Sains adalah paling tinggi, diikuti kemahiran merancang, kemahiran mengelola, kemahiran memimpin dan kemahiran mengawal. Manakala sikap terhadap tugas berada pada tahap tinggi. Berdasarkan kepada dapatan kajian, beberapa cadangan telah dikemukakan.

*Katakunci* : kepimpinan, kemahiran pengurusan, sikap ketua panitia Sains

### **Pengenalan**

Panitia sains di sekolah rendah dianggap sebagai sebuah panitia yang penting dan selalu menjadi perhatian khas pihak pentadbir. Selain daripada menjadi satu mata pelajaran teras, ia juga sering dianggap sebagai mata pelajaran kritikal sama ada oleh pihak ibu bapa mahu pun guru. Satu daripada sebabnya ialah, bukan semua guru yang boleh mengajar mata pelajaran ini. Guru yang mengajar perlulah guru yang terlatih dalam bidang ini kerana kemahiran yang khusus dan istimewa diperlukan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Wildy dan Wallace (1995) berpendapat guru sains yang berkesan, akan mengajar bagi menghasilkan kefahaman yang mantap dan mendalam. Mereka menggunakan pendapat dan idea pelajar, menyediakan pengalaman pembelajaran, bagi membolehkan pelajar menguji dan mencabar idea-idea awal bagi menghasilkan kefahaman yang lebih mendalam.

Sebagai pemimpin, Ketua Panitia Mata Pelajaran perlu memahami matlamat kepimpinan itu sendiri, di mana mereka dapat mengenali, memahami dan melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai pengurus dan pemimpin kurikulum di sekolah dengan lebih berkesan. Mereka juga perlu memahami bahawa kepimpinan merupakan satu proses mempengaruhi tingkah laku seseorang untuk menggalakkan mereka bekerja ke arah pencapaian matlamat organisasi ditetapkan. (Pusat Perkembangan Kurikulum, KPM. 2001).

Ketua panitia sebagai pengurus pertengahan terlibat dalam setiap peringkat tugas iaitu sebagai guru, pemimpin pasukan dan ahli pasukan. Pengurusan pendidikan adalah melaksanakan suatu perkara mengikut hala tuju bagi setiap institusi itu. (Duignan dan MacPherson, 1992)

## **Pernyataan masalah**

Dalam usaha menjalankan tugas pentadbiran sebagai pemimpin sesuatu organisasi, seorang ketua panitia mata pelajaran perlulah memahami bidang tugas serta memiliki kemahiran tertentu, terutama sekali yang berkaitan dengan kemahiran memimpin dan mengurus. Ini akan menjayakan pelaksanaan setiap tugasnya, Ahmad, (1989). Oleh yang demikian, adalah menjadi amat wajar bagi Ketua Panitia yang menjadi pemimpin kurikulum dan pengajaran, mempunyai kepakaran serta pengetahuan yang mendalam, dalam setiap aspek tugas yang ditentukan dan yang perlu dilaksanakan berdasarkan Panduan Senarai Tugas yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia yang diperincikan kepada tujuh aspek tugas utama (Salmiyah, 1995). Dalam mesyuarat Kurikulum Peringkat Zon Pekan Nanas, Pontian, pencapaian murid dalam Mata Pelajaran Sains sering menjadi perbincangan. Guru-guru besar jelas menunjukkan kebimbangan terhadap pencapaian murid yang amat sederhana. Tambahan lagi, tidak ada Guru Cemerlang Mata Pelajaran Sains sama ada peringkat Zon mahu pun di Peringkat Daerah untuk dijadikan rujukan.

Pada tahun ini pula, Daerah Pontian telah mengalami kekurangan Guru Sains seramai lima orang kerana perpindahan keluar Daerah. Rungutan daripada beberapa orang guru besar bahawa Ketua Panitia Sains di sekolah masing-masing tidak mempunyai pengalaman memimpin kerana masih muda dan baru berkhidmat.

Oleh itu, keupayaan yang dimiliki oleh seorang ketua panitia sains yang ditempatkan di sesebuah sekolah, dari segi pengetahuan kepimpinan dan kemahiran mengurus masih menjadi persoalan. Peranan mereka amat penting kerana bidang tersebutlah yang akan menentukan kualiti dan pencapaian sistem pendidikan secara menyeluruh. Sikap ketua panitia sains terhadap tugasnya juga akan menentukan bentuk tindakannya sama ada berbentuk positif atau negatif.

Berdasarkan pernyataan masalah di atas, kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap pengetahuan kepimpinan, kemahiran mengurus dan sikap ketua panitia Sains Zon Pekan Nanas dalam menjalankan tugas dan tanggung jawabnya.

## **Objektif Kajian**

Objektif utama kajian ini adalah untuk:

- i) Mengenalpasti tahap pengetahuan kepimpinan Ketua Panitia Sains sekolah-sekolah Kebangsaan Zon Pekan Nanas, Daerah Pontian, dalam melaksanakan tugas dan peranan mereka sebagai pemimpin kurikulum.
- ii) mengenalpasti tahap kemahiran pengurusan yang dimiliki oleh Ketua Panitia Sains Sekolah-sekolah Kebangsaan Zon Pekan Nanas, Daerah Pontian dalam pengurusan panitianya..
- iii) mengenalpasti sikap Ketua Panitia Sains dalam menjalankan tugas dan tanggung jawabnya

## **Kepentingan Kajian**

Kajian ini penting kepada sebahagian besar organisasi pendidikan, yang bermula daripada peringkat tertinggi, iaitu Kementerian Pelajaran Malaysia hingga ke peringkat sekolah.

Dapatan kajian ini dapat membantu pihak Jabatan Pelajaran Negeri dan Pejabat pelajaran Daerah yang ingin merancang kursus-kursus pendek yang sesuai untuk guru-guru sains sekolah rendah. Bagi pihak Kementerian Pendidikan pula khususnya Pusat Perkembangan Kurikulum, pelbagai latihan dan modul boleh dirancang untuk membantu guru-guru sains memperolehi pengetahuan kemahiran proses sains yang lebih mantap dan matang. Diharapkan, guru-guru ini nanti dapat menjadi pemimpin dalam pengurusan panitia di sekolah masing-masing.

Dapatan kajian akan membantu semua Guru Besar Zon Pekan Nanas untuk menyemak kembali kaedah perlantikan yang digunakan bagi melantik Ketua Panitia di sekolah masing-masing supaya guru yang terbaik dari segi pengetahuan kepimpinan, kemahiran mengurus dan sikap yang positif akan memimpin panitia masing-masing.

Selain itu pihak pentadbir sekolah dapat memberi latihan dan program pembangunan profesional yang sesuai untuk meningkatkan ilmu, kemahiran dan membentuk sikap yang betul sebagai pemimpin kurikulum.

Dapatan kajian juga akan membantu semua Guru Besar Zon Pekan Nanas untuk mengenalpasti tahap Ketua Panitia yang sedia ada di sekolah masing-masing dari segi pengetahuan kepimpinan, kemahiran mengurus dan sikap serta membuat rancangan tindakan yang sesuai untuk menambahbaik pengurusan panitia masing-masing.

### **Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan melalui soal selidik. Kaedah kuantitatif digunakan supaya pengumpulan dan penganalisan data dapat dilaksanakan secara saintifik. Dengan ini, pengeneralisan masalah yang dikaji dapat dibuat dengan cepat dan tepat. Tambahan pula, data kuantitatif merupakan data yang sistematik, piawai, mudah dianalisis dan dapat dikemukakan dalam jangka masa yang pendek (Mohd Najib, 2003).

Penyelidikan deskriptif pula dipilih kerana kaedah ini adalah sesuai untuk menerangkan sesuatu masalah atau fenomena yang sedang terjadi (Mohd Majid, 1990). Ianya juga, menerangkan ciri-ciri sampel dengan menggunakan statistik asas seperti kekerapan, pratusan, taburan, sebaran dan kecederungan memusat (Mohd Najib, 2003). Kaedah deskriptif ini juga tidak memerlukan usaha mengawal sesuatu olahan kerana ianya tidak melibatkan faktor-faktor yang mendatangkan kesan ke atas sesuatu peristiwa terlebih dahulu dalam sesuatu kajian.

Tahap pengetahuan kepimpinan yang dikaji adalah berdasarkan aspek pengurusan kurikulum dan pengajaran, iaitu salah satu aspek daripada tujuh aspek tugas yang perlu dilaksanakan oleh Ketua Panitia Mata Pelajaran (Salmiyah, 1995). Namun, tumpuan khusus diberikan kepada kepimpinan pengurusan kurikulum dan pengajaran. Item-item dalam soal selidik juga melibatkan penumpuan kepada 11 fungsi kepimpinan pengurusan kurikulum dan pengajaran (Hallinger dan Murphy, 1987). Selain itu Item bahagian kemahiran mengurus selaras dengan langkah-langkah atau komponen dalam proses perancangan, pengelolaan, pemimpinan dan kawalan, menurut Plunkett dan Attner (1994), Daft (1997) dan Stoner, Freeman dan Gilbert Jr. (1995).

### **Tempat, Populasi dan Persampelan**

Kajian ini dijalankan di sebelas buah Sekolah Kebangsaan di Zon Pekan Nanas, Daerah Pontian. Responden merupakan populasi kajian iaitu seramai 52 yang terdiri daripada 41 orang Guru Mata Pelajaran Sains dan 11 orang Guru Penolong Kanan 1. Daripada 11 sekolah tersebut, 6 buah sekolah merupakan sekolah kebangsaan gred A, 2 buah sekolah gred B dan 3 buah sekolah kurang murid (SKM). Guru-guru mata pelajaran Sains dan Guru Penolong Kanan 1 dipilih sebagai responden disebabkan mereka yang memiliki hubungan terdekat dengan Ketua Panitia Sains dalam pengurusan kurikulum sekolah.

Kedua-dua pihak tersebut dipilih agar dapat memberi gambaran tentang tahap pengetahuan kepimpinan, kemahiran mengurus dan sikapnya dalam melaksanakan fungsinya sebagai pengurus pertengahan. Namun demikian, kedua-dua pihak menjawab set soal-selidik yang sama.

Jadual 1: Pemilihan Responden Kajian

BIL.	NAMA SEKOLAH	BILANGAN SAMPEL	
		Guru Penolong Kanan 1	Guru Mata Pelajaran Sains
1	Sekolah Kebangsaan Sungai Bunyi, Pontian	1	5
2	Sekolah Kebangsaan Parit Selangor, Pontian	1	5
3	Sekolah Kebangsaan Seri Bunian, Pontian	1	5
4	Sekolah Kebangsaan Pengkalan Raja, Pontian	1	5
5	Sekolah Kebangsaan Batu 24, Pontian	1	3
6	Sekolah Kebangsaan Pekan Nanas, Pontian	1	5
7	Sekolah Kebangsaan Kampung Sawah, Pontian	1	6
8	Sekolah Kebangsaan Melayu Raya, Pontian	1	6
9	Sekolah Kebangsaan Parit Hj. Adenan	1	3
10	Sekolah Kebangsaan Jeram Batu	1	3
11	Sekolah Kebangsaan Seri Bukit Panjang	1	2
Jumlah Responden		11	41

### Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan ialah soal selidik. Jenis instrument ini digunakan kerana ianya bersesuaian dengan kaedah kajian yang dipilih, di samping mengurangkan kos dan masa kajian dijalankan. Instrumen soal selidik yang sama digunakan oleh kedua-dua responden yang terdiri daripada seorang Guru Penolong Kanan 1 dan semua Guru Mata Pelajaran Sains bagi setiap sekolah di Zon Pekan Nanas. Instrumen ini mengandungi 69 item dan dibahagikan kepada tiga konstruk utama iaitu untuk melihat tahap pengetahuan, kemahiran dan sikap Ketua-Ketua Panitia Sains sebagai pemimpin dalam pengurusan kurikulum. Item-item ini dibina berdasarkan 11 fungsi pemimpin pengurusan kurikulum dan pengajaran seperti mana yang diperincikan oleh Hallinger dan Murphy (1987). Selain itu, langkah-langkah atau komponen dalam proses perancangan, pengelolaan, pemimpinan dan kawalan, menurut Plunkett dan Attner (1994), Daft (1997) dan Stoner, Freeman dan Gilbert Jr. (1995) juga digunakan kerana didapati selari untuk menguji tahap kemahiran mereka. Oleh itu, item kemahiran, dibahagikan kepada empat konstruk iaitu, perancangan, pengelolaan, pemimpinan dan kawalan.

Soal selidik ini adalah pengubahsuaian daripada Principal Instructional Management Rating Scale (PIMRS). Ianya, dipilih kerana bersesuaian dengan matlamat kajian ini. Item-item soal selidik ini pula disediakan menggunakan skala 5 mata, iaitu 5,4,3,2,1, untuk menentukan tahap pengetahuan, pengetahuan dan sikap. Nilai 5 menunjukkan tahap tertinggi dan 1

menunjukkan tahap terendah. Ianya membantu mendapatkan min bagi setiap subskala yang digunakan.

**Jadual 2: Pembinaan Item Soal Selidik**

Konsep	Aspek Pengurusan		Jumlah Item	No. Soalan
Pengurusan Kurikulum	Pengetahuan kepimpinan		22	6 – 27
	Kemahiran Mengurus	Kemahiran Merancang	6	28 – 33
		Kemahiran Melaksana	5	34 – 38
		Kemahiran Memimpin	5	39 – 43
		Kemahiran Mengawal	4	44 – 47
		Sikap terhadap tugas	22	48 – 69

### Kajian Rintis

Kebolehpercayaan soal selidik ini ditentukan melalui satu kajian rintis yang telah dijalankan dengan melibatkan 16 responden dari kalangan Guru Penolong Kanan 1 dan Guru Mata Pelajaran Sains di SK Tengku Mahmud Iskandar (2) di Zon Bandar Pontian. Analisa data dilaksanakan dengan menggunakan aplikasi SPSS 13.0 for Window. Hasil pengiraan dengan menggunakan analisa *Alpha Cronbach*, melalui *Alpha Reliability Analysis*, nilai *reliability coefficient* yang diperolehi ini menunjukkan kebolehpercayaan instrument yang agak tinggi iaitu bagi pengetahuan kepimpinan (0.9097); kemahiran merancang (0.6319), kemahiran mengelola (0.6284), kemahiran memimpin (0.8271), kemahiran mengawal (0.8565) dan sikap (0.8087). Walaupun penganalisan melalui kajian rintis ini perlu menunjukkan nilai kebolehpercayaan item-item soal selidik tinggi, namun untuk meninggikan lagi kebolehpercayaannya, maka pengubahsuaian soal selidik dibuat melalui pembuangan dan pembaikan item tertentu.

### Analisis Data

Daripada dapatan di atas dapatlah di buat kesimpulan bahawa majoriti responden adalah perempuan, mempunyai pengalaman 6 hingga 10 tahun ke atas, mempunyai diploma dan

merupakan guru mata pelajaran sains. Keseluruhan nilai min purata juga menunjukkan bahawa responden mempunyai tahap yang tinggi dalam semua pengetahuan. Mereka juga mempunyai kemahiran merancang yang tinggi. Selain mempunyai kemahiran mengelola dan kemahiran mengawal yang tinggi. Keputusan juga menunjukkan tahap sikap responden juga adalah tinggi. Ini menggambarkan bahawa responden menguasai semua pengetahuan tentang mengajar, mengatur masa, alat bantu mengajar dan semestinya tentang pelajar mereka juga. Responden juga mahir dalam mengelola pelbagai jenis aktiviti dan program yang diberikan kepada mereka. Tambahan pula mereka bijak dan mahir dalam membuat perancangan yang teliti sebelum melakukan sesuatu serta mahir dalam mengawal prestasi dan membuat penilaian. Responden juga didapati mempunyai sikap yang sangat positif, komited dan konsisten dalam melakukan apa juga tugas yang diberikan kepada mereka.

Jadual 3 : Tahap Penerimaan Responden

Pernyataan	Tahap Penerimaan Responden			Min
	Rendah (1.00 – 2.33)	Sederhana (2.34 – 3.67)	Tinggi (3.68 – 5.00)	
<b>Pengetahuan</b>	1 2.0%	13 26.5%	35 71.4%	4.01 (1)
<b>Kemahiran Merancang</b>	1 2.0%	19 38.8%	29 59.2%	3.84 (2)
<b>Kemahiran Mengelola</b>	2 4.1%	20 40.8%	27 55.1%	3.78 (4)
<b>Kemahiran Memimpin</b>	1 2.0%	22 44.9%	26 53.1%	3.68 (5)
<b>Kemahiran Mengawal</b>	1 2.0%	22 44.9%	26 53.1%	3.68 (6)
<b>Sikap</b>	1 2.0%	16 32.7%	32 65.3%	3.83 (3)

Jadual di atas menunjukkan tahap penerimaan responden. Di mana didapati pernyataan pengetahuan mempunyai nilai min sebanyak 4.01 dan tahap penerimaan responden majoritinya adalah tinggi iaitu sebanyak 35 orang atau 71.4%. Diikuti dengan sederhana seramai 13 orang atau 26.5% dan bakinya hanya seorang di tahap yang rendah. Diikuti dengan pernyataan kemahiran merancang pula yang mana mempunyai nilai min sebanyak 3.78. Nilai tahap penerimaan responden yang berada di tahap yang tinggi iaitu seramai 29 orang atau 59.2%. Sebanyak 19 orang atau 38.8% berada di tahap sederhana dan bakinya seorang di tahap yang rendah. Bagi kemahiran mengelola, nilai minnya adalah sebanyak 3.68. Sebanyak 27 orang atau 55.1% yang berada di tahap tinggi, 20 orang atau 40.8% berada di tahap sederhana dan bakinya 2 orang di tahap yang rendah. Manakala bagi pernyataan sikap pula sebanyak 32 orang atau 65.3% berada di tahap yang tinggi, 16 orang atau 32.7% berada di tahap sederhana dan seorang di tahap yang rendah. Nilai minnya adalah sebanyak 3.83. Keseluruhan menunjukkan nilai purata bagi

tahap yang tinggi adalah sebanyak 29.8 dengan 60.8% diikuti dengan tahap sederhana iaitu 18 dengan 26.7% dan tahap yang rendah adalah 1.2 dengan 2.4%.

### **Perbincangan**

Objektif pertama kajian ini ialah untuk mengenal pasti tahap pengetahuan kepimpinan ketua panitia sains sekolah-sekolah Kebangsaan Zon Pekan Nanas, Daerah Pontian menurut persepsi Guru Penolong Kanan 1 dan Guru Mata Pelajaran Sains dalam melaksanakan tugas dan peranan mereka sebagai pemimpin kurikulum.

Keputusan kajian menunjukkan tahap pengetahuan kepimpinan Ketua Panitia Sains berada pada tahap tinggi (purata min=4.01). Didapati bagi pernyataan yang mempunyai nilai min yang tertinggi adalah pernyataan yang menyatakan “beliau tahu bahawa post-mortem pencapaian murid perlu dibuat setiap kali selepas peperiksaan penggal” (min= 4.73). Diikuti dengan pernyataan “Beliau tahu dengan jelas bahawa bahan bantu mengajar Sains sangat penting untuk menyokong aktiviti pengajaran” (min= 4.22).

Pengetahuan tentang kepentingan bahan bantu mengajar dalam mata pelajaran sains juga tinggi. Ini mungkin disebabkan, melalui kursus, mesyuarat dan bengkel yang dihadiri mereka, aspek bahan bantu mengajar dijadikan satu agenda wajib yang sering diberi kepentingan utama. Mereka mungkin telah diperingatkan oleh guru besar tentang perkara ini. Lagi pula peruntukan kewangan yang dibekalkan oleh kerajaan perlu dibelanjakan untuk membeli bahan bantu mengajar. Manakala pernyataan yang mempunyai nilai min yang terendah adalah pernyataan yang menyatakan “beliau tahu bahawa guru sains yang telah berusaha melebihi waktu mengajarnya perlu diberi penghargaan bertulis (min=3.57). Ini menunjukkan, dari segi penghargaan dan motivasi yang berkesan kepada guru-guru di bawah pentadbirannya kurang diambil perhatian. Sedangkan penghargaan bentuk bertulis amat penting dan boleh dijadikan bukti penghargaan atas pengorbanan dan sumbangan guru yang banyak berbakti.

Objektif kedua kajian ini ialah untuk mengenal pasti tahap kemahiran pengurusan ketua panitia sains sekolah-sekolah Kebangsaan Zon Pekan Nanas, menurut persepsi Guru Penolong Kanan 1 dan Guru Mata Pelajaran Sains dalam melaksanakan tugas dan peranan mereka sebagai pemimpin kurikulum. Bagi mencapai objektif ini, item soalan dibahagikan kepada empat berdasarkan empat kemahiran utama dalam pengurusan iaitu kemahiran merancang, mengelola, memimpin dan mengawal. Kemahiran ini amat penting bagi menentukan kemahiran pengurusan yang dimiliki oleh sesorang ketua panitia. Melalui pecahan ini penyelidik dapat mengenal pasti aspek mana yang menjadi kekuatan dan kelemahan seorang ketua panitia.

Walaupun terdapat 2 orang responden pada skala yang rendah, majoriti ini jelas menunjukkan kebanyakan ketua panitia sains mempunyai kemahiran yang tinggi. Dapatan kajian menunjukkan Guru Penolong Kanan dan guru-guru Sains bersetuju bahawa ketua panitia mereka akan memastikan program Panitia Sains yang dipilih sangat sesuai dengan keperluan semasa. (min= 3.90). Ini mungkin disebabkan, satu daripada agenda yang telah diwajibkan untuk ditetapkan dalam mesyuarat pertama panitia mata pelajaran ialah penetapan sasaran pencapaian setiap mata pelajaran.

Seterusnya, bagi kemahiran membuat penilaian tentang keberkesanan program yang dijalankan sepanjang tahun, mencatat min paling rendah iaitu 3.65. Ini mungkin disebabkan mereka kurang mendapat pendedahan tentang cara untuk membuat post-mortem program. Ini juga berlaku mungkin kerana kurang penegasan pihak pentadbir akan proses penilaian program. Oleh itu, program yang berkaitan harus difikirkan untuk dilaksanakan bagi memperbaiki kualiti pengurusan.

Tahap sikap yang tinggi yang di kalangan ketua panitia Zon Pekan Nanas (min=3.83) menggambarkan mereka seorang yang positif dan bersedia berubah Sikap yang positif, membolehkan mereka berpotensi untuk menjadi pemimpin yang cemerlang dalam menjalankan tugasnya. Ini selari dengan konsep sikap yang didefinisikan oleh Kamaruddin Husin (1993). Menurutnya, sikap merupakan pembawaan seseorang yang dipengaruhi oleh emosi untuk bertindak balas dengan cara-cara yang tertentu terhadap seseorang, sesuatu kumpulan, isu-isu tertentu atau benda-benda. Sikap mempunyai asasnya yang berpunca daripada desakan dalaman, tabiat yang dipelajari dan pengaruh alam sekitar. Dengan kata lain sikap merupakan pembawaan yang terbit daripada keinginan peribadi dan rangsangan kumpulan. Ia adalah sebahagian daripada personaliti individu itu sendiri, tetapi dipengaruhi oleh sikap dan tingkah laku kumpulan atau beberapa kumpulan yang ada dengannya.

### **Rujukan**

- Alimuddin Mohd. Dom (2006). *Outstanding Leaders: Membina Sekolah Cemerlang*. Kuala Lumpur: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- A.L Ramaiah (1999). *Kepimpinan Pendidikan: Cabaran Masa Kini*. Petaling Jaya: IBS Buku Sdn. Bhd.
- \_\_\_\_\_ (1991). *Buku Panduan Pengurusan Profesional Sekolah Rendah*. Kuala Lumpur: Jemaah Nazir Sekolah.
- Burton Wood, N. (1986). *The Culture Concept in Education Studies*, Windsor: The NFER Nelson Publishing.
- Caldwell, B.J. and Spinks, J.M. (1988). *The Self-Managing School*. London: The Falmer Press.
- Chek Mat (2003). *Kemahiran Memimpin*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Doll, R. 1986. *Curriculum Improvement: Decision Making and Process*. Needham Heights, MA: Allyn & Bacon.
- Gardner, R. C. (1985). *Social psychology and second language learning: The role of attitudes and motivation*. London: Edward Arnold.
- Hallinger, Phillip and Murphy, J.F (1987). *Assessing and developing Principles Instructional Leadership*. Educational Leadership. Sept.54-61.
- Institut Aminudin Baki (2004). *Jurnal Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan Jilid 14 bil 02/2004*. Genting Highlands: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Jaafar Muhamad (1997). *Asas Pengurusan*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn Bhd..
- Jaafar Muhamad (2007). *Kelakuan Organisasi*. Petaling Jaya. Leeds Publications.
- Kotter, J. P. (1990). *A Force for Change: How Leadership Differs from Management*. New York: Free Press.
- Ma'arof Redzuan (2001). *Psikologi Sosial*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Peter Bolt (2007). *Coaching for Growth*. Kuala Lumpur: Golden Book Centre.
- Robiah Sidin (2003). *Teori Pentadbiran Pendidikan Satu Pengenalan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- Salhah Abdullah. Aion Mohd (2007). *Guru sebagai Mentor*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Sonia Blandford (2004). *Panduan Pengurus Peringkat Pertengahan Di Sekolah*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Bhd.
- Stephen L. Franzoi (2003). *Social Psychology*. New York: Mc Graw Hill.



Tanner, D., & Tanner, L. (1980). *Curriculum development: Theory into practice*. New York: Macmillan.

Tengku Sabrina Aini Tengku Kassim.Yusmini Md Yusuf (2007). *Kaedah Mengajar dan Kemahiran Interpersonal Guru*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn.Bhd.

Walter Doyle Staples (2004). *Power to Win*. Petaling Jaya: Advantage Quest Publications.

Yusof Boon. *Penyelidikan Tindakan*. UTM Skudai: Fakulti Pendidikan UTM.

Yulk, Gary A.(1989). *Leadership in Organizations*.2nd Ed. Englewood Cliffs: Prentice Hall.

Zurida Ismail, Syarifah Norhaidah Syed Idros & Mohd Ali Samsudin (2007). *Kaedah Mengajar Sains*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.